



NO. PENDAFTARAN: 202303051570(KT0541048-U)

SOALAN

LAZIM

M4U

**MAID FOR YOU AGENCY
BLOK PEJABAT A-02-07,
JALAN 16B TAMAN DATO AHMAD RAZALI,
68000 AMPANG, SELANGOR.**

SOALAN LAZIM

APAKAH KEPERLUAN KONTRAK PERJANJIAN?

KONTRAK ADALAH WAJIB DISEDIAKAN OLEH AGENSI BAGI MEMASTIKAN PEKERJA KEKAL BEKERJA DENGAN BAIK, TIDAK MENIMBULKAN SEBARANG MASALAH ATAU UNTUK KEGUNAAN TUNTUTAN PADA MASA HADAPAN SEKIRANYA DIPERLUKAN.

DOKUMEN-DOKUMEN TERSEBUT ADALAH:

I. KONTRAK ANTARA MAJIKAN, PEKERJA DAN AGENSI – PERLU DITANDATANGANI SEMASA PENGHANTARAN PEKERJA KE RUMAH MAJIKAN. (TEMPOH KONTRAK ADALAH SELAMA 1 TAHUN).

II. FAIL MAKLUMAT PEKERJA AKAN DISERAHKAN KEPADA MAJIKAN UNTUK RUJUKAN.

III. RESIT BAYARAN AKAN DIBERIKAN SELEPAS PROSES SERAHAN DAN PEMBAYARAN SELESAI DIBUAT OLEH MAJIKAN.

****KONTRAK WAJIB ADIL, BERKEPENTINGAN UNTUK KEDUA-DUA PIHAK (MAJIKAN DAN PEKERJA).**

****KAMI BERSEDIA UNTUK MEMBANTU MAJIKAN DALAM APA JUA ISU MELIBATKAN PEKERJA, TERMASUKLAH JIKA BERLAKU TUNTUTAN PIHAK MAJIKAN TERHADAP PEKERJA KELAK.**

PROSEDUR PENGAMBILAN PEKERJA

BAGAIMANA PROSES UNTUK MENDAPATKAN PEKERJA?

I. SELEPAS MENGISI BORANG PERMOHONAN, AGENSI AKAN MENGHANTAR PROFIL PEKERJA YANG BERTEPATAN DENGAN KRITERIA YANG DIINGINKAN MAJIKAN MELALUI APLIKASI WHATSAPP.

II. PIHAK MAJIKAN JUGA DIMINTA UNTUK MENYERTAI GROUP TELEGRAM YANG DISEDIAKAN PIHAK AGENSI. PIHAK AGENSI AKAN UPDATE CALON PEKERJA YANG BERSEDIA DARI SEMASA KE SEMASA DIDALAM GROUP TELEGRAM TERSEBUT. (<https://t.me/Maid4U>)

III. PIHAK KAMI AKAN MENGATURKAN SESI SUAI KENAL (VIDEO CALL) DIANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA BERTUJUAN BAGI MENGENALI DI ANTARA SATU SAMA LAIN SERTA MEMBINCANGKAN HAL-HAL BERKAITAN DENGAN KERJA.

IV. SELEPAS SESI SUAI KENAL SEKIRANYA SETUJU, MAJIKAN PERLU MENYEDIAKAN JADUAL KERJA YANG LENGKAP DAN JADUAL KERJA TERSEBUT AKAN DIKONGSIKAN KEPADA PEKERJA.

V. SEKIRANYA PEKERJA BERSETUJU DENGAN JADUAL KERJA TERSEBUT, PIHAK KAMI AKAN MENGURUSKAN LATIHAN ASAS KERJA, UJIAN COVID TEST DAN SETERUSNYA PENGHANTARAN PEKERJA KE RUMAH MAJIKAN.

APAKAH PROSES SETERUSNYA SELEPAS SESI SUAI KENAL?

SEKIRANYA MAJIKAN BERSETUJU UNTUK MENGAMBIL PEKERJA, PROSES SETERUSNYA ADALAH PIHAK MAJIKAN PERLU MENYEDIAKAN JADUAL BEKERJA YANG LENGKAP.

APAKAH KEPENTINGAN JADUAL KERJA?

JADUAL KERJA ADALAH PENENTU SAMA ADA PEKERJA BERSETUJU ATAU TIDAK DENGAN TUGAS-TUGAS YANG DIPERLUKAN OLEH PIHAK MAJIKAN. PIHAK KAMI TIDAK BOLEH MENGHANTAR PEKERJA KE RUMAH MAJIKAN SELAGI PEKERJA TIDAK BERSETUJU DENGAN JADUAL KERJA YANG DITETAPKAN. TANPA ADANYA JADUAL KERJA YANG JELAS, ADA KEMUNGKINAN PEKERJA YANG DIHANTAR AKAN MERASAKAN BEBAN KERJA TERLALU BERAT DAN BERISIKO UNTUK BERHENTI DALAM TEMPOH SINGKAT.

ADAKAH TERDAPAT SEBARANG BAYARAN YANG PERLU DIBUAT OLEH MAJIKAN SEKIRANYA SELEPAS SESI SUAI KENAL, MAJIKAN TIDAK BERSETUJU DENGAN CALON YANG DICADANGKAN OLEH PIHAK AGENSI?

TIADA BAYARAN YANG PERLU DIBUAT DAN SESI SUAI KENAL INI ADALAH SECARA PERCUMA.

KELAYAKAN PEKERJA

BERAPAKAH ANGGARAN UMUR PEKERJA?

ANGGARAN UMUR PEKERJA BERMULA 20 TAHUN SEHINGGA 55 TAHUN.

ADAKAH PEKERJA YANG MUDA BOLEH BEKERJA DENGAN BAIK?

PRESTASI SESEORANG PEKERJA TIDAK BOLEH DINILAI DARI SEGI UMUR, IANYA BERGANTUNG KEPADA INDIVIDU ITU SENDIRI.

APAKAH BANGSA DAN AGAMA BAGI CALON PEKERJA?

KAMI MEMPUNYAI CALON MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM YANG TELAH BERSEDIA UNTUK BEKERJA.

ADAKAH PEKERJA PERLU BEKERJA MENGIKUT ARAHAN MAJIKAN SEPENUHNYA?

YA, PEKERJA PERLU MENGIKUTI ARAHAN MAJIKAN SELAGI IA SELARAS DENGAN UNDANG-UNDANG DAN TIDAK MELANGGAR HAK PEKERJA SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM KONTRAK.

BAGAIMANA JIKA PEKERJA MENIMBULKAN MASALAH DALAM TEMPOH BEKERJA?

I. TEGURAN PERLU DIBUAT OLEH PIHAK MAJIKAN DAN MEMAKLUMKAN KEPADA PIHAK AGENSI SUPAYA PIHAK KAMI DAPAT MEMBERIKAN KAUNSELING DAN NASIHAT KEPADA PEKERJA SUPAYA BERLAKU PENAMBAHBAIKAN.

II. PIHAK AGENSI AKAN MELAKUKAN PEMANTAUAN BERKALA TERHADAP PEKERJA TERSEBUT.

III. PIHAK AGENSI AKAN MENYEDIAKAN PENGGANTIAN PEKERJA SECARA PERCUMA.

IV. BAYARAN BALIK YURAN PEMROSESAN AKAN DILAKUKAN KEPADA PIHAK MAJIKAN. BAYARAN PEMROSESAN KEPADA MAJIKAN AKAN DIBUAT MENGIKUT KADAR PERATURAN BAYARAN SEMULA.

CUTI

BAGAIMANA DENGAN CUTI PEKERJA?

I. PEKERJA WAJIB CUTI SEHARI DALAM SEMINGGU ATAU BOLEH DIKUMPULKAN DI ATAS PERBINCANGAN DAN PERSETUJUAN DARI PIHAK MAJIKAN DENGAN PEKERJA.

II. CUTI UMUM WAJIB ADALAH HARI RAYA AIDILFITRI (4 HARI), HARI RAYA AIDILADHA (2 HARI), DAN KESEMUA CUTI UMUM DI DALAM NEGERI PEKERJA BEKERJA.

III. CUTI SAKIT (MC) GAJI DI BAYAR MAKSIMUM SELAMA 14 HARI DALAM 1 TAHUN.

ADAKAH PIHAK MAJIKAN BOLEH MENUKAR HARI BERCUTI MINGGUAN AHAD KE HARI YANG LAIN?

BOLEH, PIHAK MAJIKAN BOLEH MENETAPKAN HARI CUTI MENGIKUT KESESUAIAN DARI PIHAK MAJIKAN.

BERAPA TEMPOH MAKSIMUM SEORANG PEKERJA BOLEH MENGUMPUL CUTI?

KEBIASAANNYA PEKERJA AKAN MENGUMPUL CUTI 3-4 HARI BERGANTUNG KEPADA PERSETUJUAN MAJIKAN. PEKERJA PERLU MEMAHAMI BAHAWA CUTI PANJANG BOLEH MENYUKARKAN MAJIKAN MENCARI PENGGANTI. MAJIKAN JUGA PERLU MAKLUM BAHAWA CUTI SEHARI TIDAK MENCUKUPI UNTUK PEKERJA PULANG KE KAMPUNG.

ADAKAH PEKERJA BOLEH DIMINTA UNTUK BEKERJA PADA HARI CUTI UMUM?

BOLEH BEKERJA BERGANTUNG KEPADA PERSETUJUAN PIHAK PEKERJA. MAJIKAN JUGA DICADANGKAN UNTUK MEMBUAT BAYARAN TAMBAHAN 2 ATAU 3 KALI GANDA DARI GAJI HARIAN.

GAJI

BERAPAKAH KADAR GAJI PEKERJA SEBULAN?

I. GAJI MINIMUM RM 1700.00 SEBULAN (12 JAM WAKTU KERJA DAN 2 JAM WAKTU REHAT) TIDAK TERMASUK OVERTIME (OT).

**BAYARAN KERJA LEBIH MASA (OT) PADA KADAR RM 5.00 SEJAM.

**TARIKH BAYARAN GAJI PADA SETIAP HUJUNG BULAN.

BERAPAKAH GAJI YANG SESUAI UNTUK PEKERJA YANG BEKERJA SEBAGAI PENJAGA WARGA TUA?

PIHAK AGENSI MENCADANGKAN BAYARAN UNTUK PEKERJA YANG MENJAGA WARGA TUA ADALAH ANTARA RM 1,800 - RM 2,500. HAL INI KERANA, PIHAK KAMI AGAK SUKAR UNTUK MENDAPATKAN PEKERJA YANG BERMINAT UNTUK MENGURUSKAN WARGA TUA.

MENGAPAKAH PIHAK MAJIKAN PERLU MENAWARKAN GAJI YANG TINGGI UNTUK PEKERJA YANG MENJAGA WARGA TUA?

DENGAN TAWARAN GAJI YANG TINGGI AKAN MENARIK MINAT PEKERJA UNTUK BEKERJA DAN SETERUSNYA PEKERJA BOLEH BEKERJA DALAM TEMPOH YANG PANJANG.

BAGAIMANAKAH DENGAN PROSES PEMBAYARAN GAJI PEKERJA?

MAJIKAN PERLU MEMBAYAR GAJI PEKERJA KEPADA AKAUN BANK PEKERJA SENDIRI PADA SETIAP BULAN.

ADAKAH PEMBAYARAN GAJI TERMASUK MAKAN, MINUM DAN TEMPAT TINGGAL PEKERJA?

PEMBAYARAN GAJI PEKERJA TIDAK TERMASUK MAKAN DAN MINUM KERANA IANYA DITANGGUNG SEPENUHNYA OLEH MAJIKAN.

JIKA SAYA MENGAMBIL PEKERJA SEBAGAI PENGASUH DAN JUGA PEMBANTU RUMAH, ADAKAH SAYA PERLU MEMBUAT DUA PEMBAYARAN GAJI IATU GAJI UNTUK PENGASUH DAN JUGA GAJI UNTUK PEMBANTU RUMAH?

MAJIKAN TIDAK PERLU MEMBUAT DUA PEMBAYARAN GAJI. CUMA, PIHAK AGENSI MEMBERI CADANGAN SEKIRANYA TERDAPAT DUA TUGASAN KERJA MAJIKAN JUGA BOLEH MEMPERTIMBANGKAN UNTUK MEMBERIKAN GAJI TAMBAHAN.

JIKA PEKERJA BEKERJA SATU HARI PENUH PADA CUTI UMUM, BAGAIMANA KIRAAN GAJI?

PEKERJA YANG BEKERJA 12 JAM PENUH PADA CUTI UMUM AKAN MENERIMA GAJI HARIAN, MANAKALA KURANG DARI 12 JAM DIKIRA OT DENGAN BAYARAN RM5/JAM.

WAKTU BEKERJA

BERAPAKAH JUMLAH JAM BEKERJA YANG DITETAPKAN?

PEKERJA PERLU BEKERJA DALAM TEMPOH 12 JAM DAN 2 JAM ADALAH WAKTU REHAT. JADI JUMLAH BEKERJA ADALAH SEBANYAK 10 JAM. MAKSIMUM KERJA HANYA 12 JAM. JIKA MELEBIHI DARI 12 JAM BEKERJA PIHAK MAJIKAN PERLU MEMBUAT BAYARAN OVERTIME RM 5.00 SEJAM.

ADAKAH PEKERJA BOLEH DIMINTA UNTUK BEKERJA DARI PUKUL 7 PAGI HINGGA 12 MALAM?

PEKERJA BOLEH BEKERJA DALAM TEMPOH WAKTU YANG DIPERLUKAN PIHAK MAJIKAN, TETAPI PIHAK AGENSI MENCADANGKAN AGAR PEKERJA DIBERI WAKTU REHAT YANG PANJANG DIWAKTU TENGAH HARI SUPAYA DAPAT BEKERJA SEHINGGA LARUT MALAM.

SKOP KERJA

ADAKAH PENGASUH KANAK-KANAK HANYA TERTUMPU PADA KANAK-KANAK SAHAJA DAN ADAKAH TUGAS MENGEMAS RUMAH JUGA TERMASUK DALAM SKOP KERJA?

YA, SKOP KERJA PENGASUH KANAK-KANAK DAN PENJAGA WARGA TUA TERMASUK SEKALI DENGAN TUGAS MENGEMAS RUMAH.

BERAPAKAH BILANGAN MAKSIMUM ANAK JAGAN YANG BOLEH DIJAGA OLEH SEORANG PEKERJA?

TIADA BILANGAN MAKSIMUM ANAK YANG BOLEH DIJAGA, TETAPI IA BERGANTUNG KEPADA KESEDIAAN PEKERJA UNTUK MENJAGA BILANGAN ANAK YANG RAMAI. PIHAK AGENSI MENCADANGKAN, SEKIRANYA MAJIKAN MEMPUNYAI BILANGAN ANAK YANG RAMAI, MAJIKAN BOLEH BERSEDIA UNTUK MEMBUAT BAYARAN TAMBAHAN GAJI.

APAKAH SKOP KERJA BAGI PEMBANTU RUMAH?

1. MEMASAK UNTUK KELUARGA.
2. MENGURUSKAN PAKAIAN KOTOR (CUCI, SIDAI, LIPAT, SETERIKA).
3. MEMBERSIH RUMAH (BILIK AIR, DAPUR, RUANG TAMU, BILIK TIDUR, RUANG LUAR).
4. SAPU SAMPAH, MOP LANTAI, LAP HABUK/SAWANG, LAP CERMIN/TINGKAP.

APAKAH SKOP KERJA BAGI PENGASUH?

1. MENJAGA ANAK-ANAK.
2. MENDIDIK (MEMBACA, MENGAJI, BERMAIN DAN MENYANYI BERSAMA).
3. MERANGKA RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN DAN AKTIVITI.
4. MEMASAK UNTUK ANAK-ANAK.
5. MENGURUSKAN (MANDIKAN, BERSIHKAN DAN GOSOK GIGI).
6. MENGURUSKAN PAKAIAN ANAK-ANAK (KUTIP, CUCI, SIDAI, LIPAT SETERIKA).

APAKAH SKOP KERJA BAGI PENJAGA WARGA TUA?

1. MEMASAK UNTUK PESAKIT.
2. MENJAGA, MENEMANI, BERSEMBANG DAN MEMASTIKAN IBU BAPA/PESAKIT BERADA DALAM KEADAAN BAIK.
3. MENGURUSKAN IBU BAPA/PESAKIT (MAKAN UBAT, MANDI, BERSIHKAN, MENUKAR LAMPIN PAKAI BUANG JIKA PERLU).
4. MENGURUSKAN PAKAIAN (KUTIP, CUCI, SIDAI, LIPAT SETERIKA).
5. MEMBERSIH RUMAH (BILIK AIR, DAPUR, RUANG TAMU, BILIK TIDUR, RUANG LUAR).
6. MENCUCI DAPUR DAN PINGGAN MANGKUK.

KEBAJIKAN PEKERJA

PERLUKAH PEKERJA MEMBUAT UJIAN COVID-19?

I. UJIAN COVID-19 AKAN DILAKUKAN TERHADAP PEKERJA SEBELUM PENGHANTARAN KE RUMAH MAJIKAN.

II. KOS UJIAN COVID-19 (RTK TEST) BAGI PEKERJA TELAH TERMASUK DI DALAM PAKEJ BAYARAN KEPADA AGENSI.

ADAKAH MAJIKAN PERLU MEMBAYAR KOS RAWATAN PEKERJA?

MAJIKAN PERLU MENANGGUNG KOS RAWATAN MAKSIMUM RM 80 SEBULAN YANG DIPERLUKAN & PEKERJA PERLU MENGEMUKAKAN BIL RAWATAN BESERTA SIJIL CUTI SAKIT (MC) BAGI TUJUAN INI.

SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN KEPERLUAN ASAS PEKERJA?

KEPERLUAN ASAS PEKERJA SEPERTI MAKAN, MINUM DAN TEMPAT TINGGAL ADALAH DIBAWAH TANGGUNGAN MAJIKAN SEPENUHNYA. MANAKALA UNTUK KEPERLUAN DIRI PEKERJA ADALAH DIATAS BUDI BICARA MAJIKAN (TIDAK WAJIB).

ADAKAH PIHAK AGENSI ADA MENYEDIAKAN PEKERJA YANG BERULANG-ALIK (STAY-OUT)?

YA, PIHAK AGENSI JUGA ADA MENYEDIAKAN PEKERJA ULANG ALIK. TETAPI UNTUK PENGINAPAN BILIK SEWA DAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN PERLU DIBIAYAI OLEH PIHAK MAJIKAN.

MENGAPAKAH PIHAK MAJIKAN PERLU MEMBIAYAI KOS PENGINAPAN DAN PENGANGKUTAN BAGI PEKERJA YANG BERULANG-ALIK?

PIHAK MAJIKAN PERLU MEMBIAYAI KOS PENGINAPAN DAN PENGANGKUTAN BAGI PEKERJA YANG BERULANG-ALIK UNTUK MEMASTIKAN PEKERJA KEKAL BEKERJA DALAM TEMPOH YANG PANJANG. JIKA KOS-KOS INI DITANGGUNG OLEH PEKERJA, IA MUNGKIN AKAN MEMBEBANKAN MEREKA DAN MENYEBABKAN PEKERJA TIDAK DAPAT BERTAHAN LAMA DALAM PEKERJAAN TERSEBUT.

ADAKAH TERDAPAT SEBARANG RISIKO PEKERJA TEMPATAN MENINGGALKAN PEKERJAAN TANPA NOTIS ATAU LARI DARI RUMAH?

PEKERJA TEMPATAN LEBIH CENDERUNG UNTUK MEMATUHI PERATURAN KERANA MEREKA TERIKAT DENGAN UNDANG-UNDANG PEKERJAAN YANG BERKUAT KUASA. OLEH ITU, KEWUJUDAN KONTRAK KERJA YANG JELAS BUKAN SAHAJA MELINDUNGI HAK MAJIKAN, TETAPI JUGA MEMASTIKAN PEKERJA MEMAHAMI TANGGUNGJAWAB DAN AKIBAT SEKIRANYA MEREKA MELANGGAR PERJANJIAN. INI SECARA TIDAK LANGSUNG MENGURANGKAN RISIKO MEREKA MENINGGALKAN PEKERJAAN TANPA NOTIS.

KONTRAK

APAKAH MAKSUD KONTRAK PERJANJIAN?

KONTRAK PERJANJIAN BERMAKSUD PERJANJIAN PEKERJAAN DIANTARA PEKERJA DAN MAJIKAN YANG SAH DI SISI UNDANG-UNDANG DAN BOLEH DI GUNA PAKAI DALAM TEMPOH 1 TAHUN.

ADAKAH PEKERJA DIBENARKAN UNTUK BERHENTI BEKERJA DALAM TEMPOH KONTRAK SELAMA 1 TAHUN?

PIHAK AGENSI TIDAK MEMBENARKAN PEKERJA UNTUK BERHENTI BEKERJA DALAM TEMPOH KONTRAK SELAMA SATU TAHUN, KECUALI BERLAKU PELANGGARAN KONTRAK BERPUNCA DARIPADA PIHAK MAJIKAN ATAUPUN PIHAK PEKERJA SENDIRI.

ADAKAH MAJIKAN PERLU MEMBUAT SEBARANG BAYARAN TAMBAHAN KEPADA AGENSI SEKIRANYA PEKERJA TELAH TAMAT KONTRAK SETAHUN?

BAYARAN PEMROSESAN KEPADA PIHAK AGENSI HANYA SEKALI SAHAJA. SELEPAS 1 TAHUN MAJIKAN TIDAK PERLU LAGI MEMBUAT SEBARANG BAYARAN KEPADA AGENSI.

TIADA SEBARANG BAYARAN YANG PERLU DIBUAT KEPADA AGENSI SEKIRANYA PIHAK PEKERJA YANG SEDIA ADA BERSETUJU UNTUK MENYAMBUNG BEKERJA BERSAMA PIHAK MAJIKAN. MALAH, MAJIKAN BOLEH MENERUSKAN KONTRAK BARU BERSAMA PEKERJA TANPA MELIBATKAN AGENSI.

PERANAN KAMI AKAN BERAKHIR SELEPAS 1 TAHUN.

ADAKAH AGENSI MENAWARKAN PEKERJA SEPARUH MASA SEBAGAI CONTOH PERKHIDMATAN UNTUK SEMINGGU ATAU SEBULAN?

TIDAK, KAMI HANYA MENAWARKAN PERKHIDMATAN PEKERJA UNTUK KONTRAK 1 TAHUN YANG MANA KESEMUA PEKERJA MEMERLUKAN PEKERJAAN DALAM TEMPOH YANG PANJANG.

YURAN DAN WARANTI AGENSI

BERAPAKAH KOS, DEPOSIT DAN KAEDAH BAYARAN?

I. KOS MEMBEKAL (AGENT FEE) DARI PIHAK KAMI ADALAH BERMULA DARI RM 4800, RM 5800, RM 6800. (BERGANTUNG KEPADA PAKEJ PILIHAN DARI PIHAK MAJIKAN).

II. TIADA SEBARANG DEPOSIT DIKENAKAN OLEH PIHAK AGENSI.

III. PEMBAYARAN PENUH PERLU DILAKUKAN SEMASA SERAHAN PEKERJA SECARA TUNAI ATAU BAYARAN ATAS TALIAN (ONLINE).

ADAKAH TERDAPAT BAYARAN LAIN YANG PERLU DIJELASKAN KEPADA AGENSI SELAIN DARIPADA PAKEJ YANG TELAH DITETAPKAN?

TIDAK ADA BAYARAN TERSEMBUNYI SELAIN DARI BAYARAN PAKEJ YANG DISEDIAKAN.

ADAKAH PIHAK AGENSI MENYEDIAKAN TEMPOH PERCUBAAN UNTUK PEKERJA?

PIHAK AGENSI TIDAK MENYEDIAKAN TEMPOH PERCUBAAN TETAPI PIHAK AGENSI MENYEDIAKAN WARANTI PEKERJA IAITU PENGGANTIAN PEKERJA BAGI SETIAP PEKERJA YANG DIBEKALKAN KEPADA MAJIKAN.